Ketua Menteri, Adly Zahari, berkata setakat ini, pelan 'Urban Reparian Reforestation' itu belum pernah dilaksanakan di mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi tanah rizab di kawasan sepanjang sungai.

Bagaimanapun, katanya, pelan berkenaan sudah lama dilaksanakan di kebanyakan negara maju.

"Menjadi harapan kita untuk menjadikan kawasan sepanjang Sungai Putat sebagai hutan dalam usaha melestarikan projek hutan di negeri ini."

"Selain itu, kawasan yang tiada dalam pelan pembangunan, termasuk di kawasan tambakan laut di Klebang seluas kira-kira 40.4 hektar akan ditanam pokok hutan."

"Kita percaya, data 3.14 peratus kawasan hijau yang direkodkan Jabatan Perhutanan Melaka akan dapat ditingkatkan," katanya yang ditemui selepas perhimpunan bulanan kerajaan negeri anjuran Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri di Seri Negeri, hari ini.

CADANGAN REFORESTATION & RIPARIAN SUNGAI PUTAT, MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA

Reforestation atau penghutanan semula merupakan usaha bagi mengantikan semula hutan melalui penanaman pokok baharu secara terancang dan sistematik. Penanaman pokok hutan terdiri daripada tanaman tropika serta tumbuhan yang bertoleransi terhadap persekitaran lembab serta memberikan serapan air larian hujan yang tinggi terutama di zon lembangan banjir. Riparian pula adalah zon perantaraan yang menghubungkan ekosistem di antara kawasan sungai dan darat. Di dalam zon riparian ini juga merangkumi cadangan pejalan kaki sejauh 1.9 kilometer di kiri/ kanan sungai dari Jalan Sungai Putat sehingga perumahan pangsa Taman Tasik Utama.

Di dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (Pengubahan) 2025, lembangan Sungai Putat telah dimasukkan di dalam Blok Perancangan Kecil 2.6 (Kawasan Perindustrian Tasik Utama & Jelutong) : dizonkan sebagai sungai dan anjakan sungai. Pembangunan ini telah dicadangkan di Bahagian C: Detail Plan iaitu "Reforestation & Riparian of Sungai Putat.

PILOT STUDY - PELAN INDUK "REFORESTATION" SUNGAI PUTAT

ZONA A

(‘Green Network’/Linear Park @MITC)

ZON B

(Kawasan
Penghutanan
Semula)



ZON C

(Kawasan
Penghutanan
Semula)

ZON D

(Kawasan Penghutanan Semula)



JARAK ANJAKAN ZON PENAMPANG SUNGAI & ZON REKREASI




Tapak cadangan berada di sepanjang Rezab Sungai Putat dari Jalan Sungai Putat ke Perumahan Pangsa Taman Tasik Utama. Sungai Putat mempunyai kelebaran rezab yang mencukupi bagi penanaman semula pokok-pokok hutan serta mengindahkan semula zon riparian di kiri dan kanan sungai.

PERLAKSANAAN PROGRAM BANDAR SELAMAT

Bagi mewujudkan kawasan perbandaran yang sejahtera, Program Bandar Selamat digerakkan oleh Jabatan Perancangan Bandar melalui Inisiatif Pemutihan Kawasan Blackspot dengan kerjasama PLANMalaysia dan PDRM. Kawasan yang disasarkan ialah Taman Merdeka berdasarkan maklumat PDRM yang menunjukkan Jenayah Indeks yang tertinggi di kawasan pantadbiran MPHTJ.

Sasaran Inisiatif Pemutihan Kawasan Blackspots bagi Taman Merdeka adalah seperti berikut :-

- Cadangan pejalan kaki dengan handrailing diatas binaan longkang sejauh 700.00 meter (Jalan M8)
- Cadangan 1 nos papan tanda peringatan jenayah di jalan masuk ke sekolah (Jalan Pegaga)
- Cadangan 2 nos Cermin Keselamatan (Jalan M8)
- Membekal dan memasang tiang konkrit jenis LED beserta lantera berkadarana 120watt 10nos di Jalan M8
- Membekal dan memasang tiang konkrit jenis TNB beserta lantera berkadarana 150watt 20nos disekeliling Rumah Pangsa Taman Merdeka



Projek tersebut telah disiapkan pada 23 Januari 2019 dan penyerahan projek telah dibuat pada 15 Februari 2019. Manakala inisiatif pencahayaan telah dibina sebanyak 30 nos tiang lampu telah disiapkan pada 10 Disember 2018.

Projek pencahayaan telah diserahkan kepada MPHTJ pada 10 Januari 2019.

Gambarajah : Menunjukkan lokasi pelaksanaan Program Fizikal Projek Bandar Selamat : Inisiatif Pemutihan Kawasan Blackspot Taman Merdeka bagi tahun 2018



Gambarajah : Menunjukkan Jalan Merdeka 8 yang gelap sebelum inisiatif pencahayaan dibuat



Gambarajah : Menunjukkan serahan projek telah dibuat bagi kedua-dua kerja iaitu kerja awam dan kerja elektrikal



AKTIVITI JABATAN PERANCANGAN BANDAR BAGI TAHUN 2018



16 Mac 2018

Perbincangan Teknikal RTMPHTJ (pengubahan)2025 bersama perunding RJ Planning Bilik Mesyuarat RJ Planning, Johor Bahru



6 Julai 2018

Taklimat Penguatkuasaan Akta 172 bersama Jabatan Perancang Majlis Perbandaran Klang.
Majlis Perbandaran Klang, Selangor.



17 April 2018

Lawatan Tapak Bersama Kontraktor Untuk Projek Fizikal Blackspot Bandar Selamat 2018 Taman Merdeka, Batu Berendam



20 Ogos 2018

Mesyuarat bersama Pihak IOI Group berkenaan isu pembangunan di dalam Penyelarasan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (Pengubahan) 2025 IOI Tower, Putrajaya



24 April 2018

Mesyuarat Penyelarasan Data Murninets (MPHTJ) bersama Agensi Negeri Melaka Hotel Ramada, Melaka



18 - 19 November 2018

Sesi semakan akhir Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (Pengubahan) 2025 sebelum publisiti.

RJ Planning Consultant, Johor Bahru



20 Disember 2018

Sesi Taklimat kepada petugas pameran publisiti dan seranta awam RTMPHTJ (Pengubahan) 2025 MPHTJ Town Hall Centre, Melaka Mall




27 Disember 2018

Perasmian Program Publisiti & Seranta Awam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (Pengubahan) 2025 bersama perhimpunan bulanan yang telah dirasmikan oleh YB Datuk. Tey Kok Kiew (Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau) MPHTJ Town Hall Centre, Melaka Mall

JABATAN LANDSKAP

CARTA ORGANISASI BAGI TAHUN 2018

JABATAN LANDSKAP MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA



RINGKASAN LAPORAN JABATAN LANDSKAP BAGI TAHUN 2018

A) PELAN LANDSKAP

BULAN												
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
2	1	2	2	0	3	3	1	0	0	2	2	

B) PENANAMAN POKOK

BULAN	KATEGORI POKOK			
	UTAMA	RENEK	PALMA	BUNGA RAYA
JANUARI	36	2475	0	0
FEBUARI	34	320	0	0
MAC	94	1122	0	0
APRIL	0	0	0	0
MEI	0	211	0	0
JUN	155	904	0	0
JULAI	108	68	0	0
OGOS	5	1520	0	0
SEPTEMBER	0	0	0	0
OCTOBER	91	3,961	0	0
NOVEMBER	1689	9024	164	0
DECEMBER	0	2697	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	2212	22,302	164	0

ALAT MAINAN

LOKASI BULAN	BULAN											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
AYER KEROH	0	7	7	0	5	0	0	4	4	5	6	0
BUKIT BARU	0	6	6	0	1	0	0	3	3	0	1	0
BACHANG	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	2	0
BEMBAN	0	0	0	0	1	0	0	2	2	1	1	0
DURIAN TUNGGAL	0	0	0	0	0	0	0	3	3	0	2	0
JUMLAH (RM)	TIADA	19,420.00	19,830.00	TIADA	18600	TIADA	TIADA	31,250.00	31,250.00	15,600.00	39,300.00	TIADA

C) CANTASAN DAN TEBANGAN

LOKASI BULAN	BULAN											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
CANTAS	393	395	398	305	286	280	133	257	335	561	326	414
TEBANG	27	32	41	32	21	11	15	26	38	20	22	31
JUMLAH (RM)	59,857.40	64,144.00	66,782.90	64,782.90	51,181.30	45,390.00	38,628.60	60,170.00	76,260.00	78,047.00	61,330.00	70,750.00

D) LOGistik & HIASAN

LOKASI BULAN	BULAN											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
LOGistik	10	11	0	0	0	2	1	3	3	4	1	0
HIASAN	11	14	0	0	2	0	9	11	5	7	8	3
JUMLAH (RM)	2,060.60	4,455.71	0.00	0.00	657.2	1988	4,385.00	2,290.00	5,565.00	4,301.00	3805.00	1055.00

E) INVENTORI POKOK

BULAN	JUMLAH POKOK
JANUARI	0
FEBUARI	0
MAC	208
APRIL	16
MEI	97
JUN	229
JULAI	194
OGOS	236
SEPTEMBER	201
OCTOBER	200
NOVEMBER	200
DECEMBER	534
JUMLAH KESELURUHAN	2115

JABATAN KAWALAN BANGUNAN

PENGENALAN

Jabatan Kawalan Bangunan merupakan salah satu daripada beberapa jabatan teknikal di dalam MPHTJ. Jabatan ini memfokuskan 2 perkara penting iaitu bahagian yang menyelia kelulusan pelan bangunan dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974. Pembangunan yang mengikut keperluan perundangan dan garis panduan yang digunakan MPHTJ akan menghasilkan sebuah kejiraninan yang kondusif dan efisien.

Jabatan Kawalan Bangunan diketuai oleh seorang Arkitek (J44) dan terdiri daripada 2unit utama iaitu Unit Projek dan Unit Penguatkuasa Bangunan. Unit Projek terdiri daripada 8 orang tenaga kerja iaitu 4 Penolong Pegawai Senibina (JA29) 2 Pembantu Tadbir (N17) seorang Pelukis Pelan (J17) dan seorang Pembantu Am Pentadbiran (N11). Manakala, Unit Penguatkuasa Bangunan di ketuai oleh seorang Penolong Jurutera (JA29) seorang Pelukis pelan (J17) dan dua orang pembantu penguatkuasa yang menjalankan tugas pemantauan dan rondaan secara harian.

PIAGAM PELANGGAN

bil	Piagam Pelanggan	Tempoh keputusan permohonan
1	Proses Tambahan Dan Ubahsuai Rumah Teres	5 hari
2	Proses Tambahan Dan Ubahsuai Bangunan	14 hari
3	Proses Pembinaan Rumah Sesebuah	21 hari
4	Proses Pembinaan Bangunan Industri	
5	Projek Perumahan Dan Komersil	
6	Permit Struktur Sementara	
7	Proses Tukar Syarat	
8	Proses Pelan Pindaan	
9	Proses Lanjut Tempoh	

PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN

Selain memproses permohonan pelan bangunan, fokus utama jabatan ialah kepada elemen penguatkuasaan perundangan terutamanya pematuhan kepada Bahagian Bangunan didalam Akta Jalan Parit dan Bangunan 1973 serta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Kedua-kedua teras undang-undang ini merupakan nadi kepada halatuju jabatan dalam melaksanakan kehendak-kehendak perundangan didalam Kawasan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya. Semenjak Unit Penguatkuasaan Pembangunan, kes pembinaan haram telah turun secara drastik. Penurunan kadar kesalahan adalah disebabkan pemilik-pemilik premis telah mula celik undang-undang dan mengambil langkah pengemukaan pelan untuk mengelakkan dari dikenakan tindakan perundangan.

Penduduk juga diberikan pendedahan melalui sebaram risalah terhadap kepentingan pematuhan undang-undang berkaitan pembinaan supaya tidak diambil tindakan. Pihak jabatan juga sedang bekerjasama dengan pihak CIDB dalam melaksanakan operasi dalam mengekang masalah pembinaan haram selain membantu pihak CIDB dalam mengawal kontraktor pembinaan yang tidak berlesen.

HASIL KUTIPAN

BIL	JENIS KUTIPAN	TAHUN 2018 (RM)	TAHUN 2017 (RM)
1	Bayaran proses	283,574.44	684,532.71
2	Bayaran proses SKM	3,600.00	8,458.80
3	Permit Letak Bahan Binaan	28,130.00	27,427.00
4	Pemutihan	177,288.10	216,403.01
5	Bayaran Papan Tanda	46,298.70	43,805.53
6	Jualan Plat Permit sementara	227,944.08	116,100.21
7	Kanister	0.00	768.00
8	Denda	93,799.00	122,132.10
9	Sumbangan Perparitan	1,060,607.12	1,175,936.64
Jumlah Hasil		1,921,241.44	2,395,564.00

**JUMLAH KUTIPAN HASIL BUKAN CUKAI YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH
JABATAN KAWALAN BANGUNAN BAGI TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

JABATAN PENGUATKUASAAN

PENGENALAN

Jabatan Penguatkuasaan terdiri daripada Pengarah Penguatkuasaan (KP 44), seorang Pegawai penguatkuasaan (KP 41), seorang Penolong Pegawai Penguatkuasaan (KP29) dan 40 orang Penbantu Penguatkuasaan (KP19).

Jabatan dibahagikan kepada unit-unit seperti berikut:

- a. Unit Aduan
- b. Unit Alpha
- c. Unit Bravo
- d. Unit Charlie
- e. Unit Zulu
- f. Unit Delta
- g. Unit Letak Kereta

FUNGSI JABATAN

Fungsi jabatan adalah seperti berikut:

- a. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan –kesalahan dibawah Akta 171, Akta 133, Undang-undang Kecil Majlis 2010 dan Perintah Letak Kereta MPHTJ 2010
- b. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan pembuangan sampah dan kotoran di tempat awam,jalan awam,kerja tanah di tapak pembinaan.
- c. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan halangan di tempat awam dan jalan awam.
- d. Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan premis-premis perniagaan dan penjaja iaitu penjaja berlesen dan penjaja tanpa lesen.
- e. Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan di Taman-taman Awam dan harta majlis.
- f. Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan di premis-premis perniagaan di dalam kawasan pentadbiran MPHTJ.
- g. Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan iklan-iklan yang terdpat di dalam kawasan pentadbiran MPHTJ.

MISI

Menjadikan Bandaraya yang ditadbir oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya sebuah bandaraya yang aman sentosa, makmur dan sentiasa menjadi bandaraya terbaik selari dengan cogan kata Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya iaitu “BANDARAYA PINTAR” Misi kami juga ingin menguatkuasakan undang-undang secara berhemah, berkesan, berkualiti dan berintegriti serta memberikan perkhidmatan penguatkuasaan yang efisyen dan cemerlang.

VISI

Integriti, Dinamik, Professional dan Berwibawa.

OPERASI PENGUATKUASAAN

Ops Banting/Banner/Iklan

Dilakukan sepanjang jalan dan kawasan dalam tanggungjawab. Tindakan akan diambil semasa kerja-kerja harian dilaksanakan serta pemantauan dan aduan yang diterima.

Objektif adalah seperti berikut:

- a. Menguatkuasakan Undang-undang Kecil 2010
- b. Memastikan semua kain rentang, gegantung dan poster-poster yang dipasang mematuhi Undang-Undang Kecil yang digunakan.
- c. Memastikan tiada kain rentang, gegantung dan poster lusoh di kawasan MPHTJ

Ops Halangan

Dilaksanakan dalam kawasan tanggungjawab. Unit Zon akan menentukan bahawa setiap halangan akan diambil tindakan segera.

Objektif

- a. Menguatkuasakan Akta dan Undang-Undang Kecil yang digunakan pakai.
- b. Memastikan semua kaki lima premis bebas dari halangan dan meletakkan barang-barang perniagaan, kenderaan dan lain-lain

Ops Sitaan

Dijalankan setelah dikeluarkan notis kepada penjaga-penjaga yang melanggar peraturan.

Objektif

- a. Menguatkuasakan Undang-undang Kecil.
- b. Memastikan peniaga-peniaga mematuhi peraturan sepertimana yang dikehendaki.
- c. Memberikan perkhidmatan yang baik kepada orang ramai.

OPS BERSEPADU

Dijalankan bersama-sama jabatan/agensi luar seperti PDRM, RELA, Imigresen, JAIM dan lain-lain.

Objektif

- Menguatkuasakan Aktadan Undang-undang Kecil yang digunakan.
- Menjalankan hubungan yang lebih rapat bersama-sama agensi luar dalam menguatkuasakan peraturan dan undang-undang.
- Dapat bertukar-tukar fikiran dan pengalaman



OPS BANTING

Objektif

- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil iklan MPHTJ 2010
- Memastikan semua kain rentang, iklan gegantung dan poster yang dipasang mematuhi Undang-Undang Kecil yang digunakan oleh majlis
- Memastikan tiada iklan gegantung tanpa permit dari majlis



OPS TUNDA KENDERAAN USANG

Objektif

- Menguatkuasakan Akta dan undang-undang yang digunakan oleh MPHTJ
- Memastikan semua laluan pejalan kaki dan tempat awam bebas dari sebarang halangan kenderaan usang



OPS PAPAN IKLAN TANPA PERMIT

Objektif

- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil iklan yang digunapakai oleh MPHTJ
- Memastikan tiada papan iklan tanpa permit yang didirikan tanpa kelulusan dari MPHTJ



OPS KENDERAAN BERAT DALAM TAMAN

Objektif

- Menguatkuasakan Akta dan undang-undang yang digunapakai oleh MPHTJ
- Memantau dan memastikan tiada kenderaan berat di dalam kawasan taman



OPS INTIPAN SAMPAH

Objektif

- Menguatkuasakan Akta dan Undang-Undang Kecil yang digunakan oleh MPHTJ
- Memastikan tiada sampah yang dibuang di tempat yang tidak dibenarkan oleh MPHTJ



OPS PASAR MALAM/TANI/SEHARI

Objektif

- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil pasar malam/sehari MPHTJ 2010 yang digunakan oleh MPHTJ
- Memantau dan memastikan semua peniaga yang berniaga mempunyai lesen perniagaan dan mematuhi syarat-syarat lesen



OPS PASAR BORONG/PASAR WILAYAH

Objektif

- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil pasar-pasar MPHTJ 2012 yang digunakan oleh MPHTJ
- Memantau dan memastikan semua peniaga yang berniaga mempunyai lesen perniagaan dan mematuhi syarat-syarat lesen



OPS SEMAKAN PREMIS

Objektif

- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil pasar malam/sehari MPHTJ 2010 yang digunakan oleh MPHTJ
- Memantau dan memastikan semua peniaga yang berniaga mempunyai lesen perniagaan dan mematuhi syarat-syarat lesen



OPS SEMAKAN PENJAJA

Objektif


- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil penjaja MPHTJ 2010 yang digunakan oleh MPHTJ
- Memantau dan memastikan semua peniaga yang berniaga mempunyai lesen perniagaan dan mematuhi syarat-syarat MPHTJ



OPS CYBER CAFE

Objektif

- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil TRED MPHTJ 2010 yang digunakan oleh MPHTJ
- Memantau dan memastikan semua peniaga yang berniaga mempunyai lesen perniagaan dan mematuhi syarat-syarat MPHTJ



OPS JUDI**Objektif**

- Menguatkuasakan Undang-Undang Kecil TRED MPHTJ 2010 yang digunakan oleh MPHTJ
- Memantau dan memastikan tiada premis judi yang beroperasi di dalam kawasan MPHTJ



OPS KERJA TANAH

Objektif

- Menguatkuasakan Akta dan Undang-Undang Kecil yang digunakan oleh MPHTJ
- Memantau dan memastikan semua kawasan pembinaan mematuhi syarat yang ditetapkan oleh MPHTJ



JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN EKONOMI

PENGENALAN

Jabatan Korporat & Pembangunan Ekonomi diketuai oleh Pengarah Korporat & Pembangunan Ekonomi dan dianggotai 14 orang kakitangan yang terbahagi kepada 2 bahagian iaitu:

- i. Bahagian Perancangan Korporat & Pembangunan Ekonomi
- ii. Bahagian Belia & Sukan

Jabatan ini bertanggungjawab memelihara dan meningkatkan imej MPHTJ yang cemerlang dan berkualiti dengan mewujudkan hubungan baik antara MPHTJ dengan ‘stakeholder’ yang merupakan pelanggan atau komuniti awam dalam kawasan pentadbiran MPHTJ. Berperanan memantapkan kolaboratif strategi bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan melalui jaringan kerjasama dengan semua pihak berkepentingan dalam kawasan pentadbiran. Jabatan ini juga merupakan bahagian hadapan MPHTJ melalui perkhidmatan pelanggan dan mengkaji tahap kepuasan pelanggan yang diterima daripada pelbagai saluran. Selain itu, jabatan ini juga bertanggungjawab sebagai penyelaras protokol, pengurusan promosi, penerbitan dan hal ehwal perhubungan awam.

PENGANJURAN PROGRAM / ACARA

Bagi memantapkan kolaboratif strategi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, Jabatan Korporat & Pembangunan Ekonomi terus memperkuuhkan penganjuran program-program dengan menjalin kolaboratif bersama masyarakat, agensi kerajaan, swasta, NGO, belia, peniaga dan golongan yang berkepentingan dalam pembangunan kawasan pentadbiran MPHTJ.

Pelbagai program perayaan, sambutan, dan Hari Bertemu Pelanggan telah dianjurkan dengan penglibatan penduduk setempat. Penganjuran program mengikut kategori adalah seperti berikut:

STATISTIK AKTIVITI / PROGRAM KEMASYARAKATAN BAGI TAHUN 2018

AKTIVITI/ PROGRAM	BILANGAN
Hari Bertemu Pelanggan	12
Belia & Sukan	23
Program / Sambutan (Agensi Swasta/ NGO)	22

PENGENALAN

Kajian Kepuasan Pelanggan telah dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas pelanggan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh MPHTJ. Kajian telah dijalankan terhadap orang ramai mengikut penggal iaitu Penggal I (Januari hingga Jun) dan Penggal II (Julai hingga Disember) melalui borang soal selidik yang telah disediakan. Jumlah respondan yang diambil adalah seramai 7100 orang iaitu 10% daripada jumlah penduduk di dalam kawasan pentadbiran MPHTJ. Hasil soal selidik (dalam %) adalah seperti berikut:

Keseluruhan Kajian Kepuasan Pelanggan Tahun 2018 (Januari hingga Disember)

PENGGAL I JANUARI - JUN

Baik : 39.5% / 1,401 orang
Sederhana : 49.3% / 1,751 orang
Lemah : 11.2% / 398 orang

PENGGAL II JULAI - DISEMBER


Baik : 40.3% / 1,432 orang
Sederhana : 49.5% / 1,757 orang
Lemah : 10.2% / 361 orang

Jumlah respondan adalah seramai 7,100 iaitu 10% daripada jumlah penduduk di dalam kawasan MPHTJ.

LAPORAN PERBANDINGAN BAGI TAHUN 2017 DAN 2018

Tahap Keseluruhan Perkhidmatan Yang Telah Diberikan Oleh

Mailis Perbandaran Hang Tuah Jaya



LAMPIRAN ASENARAI PROGRAM BERSAMA NGO JANUARI – DISEMBER 2018

BIL.	AGENSI	PROGRAM	TARIKH PROGRAM	TEMPAT
1.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/	PENYERAHAN CEK KEPADA ATLET GOLF ANAK ANGKAT MPHTJ	05/1/2018	PEJABAT YDP, MPHTJ
2.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/	MAJLIS PENUTUP SUKAN PBT MELAKA	14/1/2018	MIBC, AYER KEROH MELAKA
3.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ JPP/ JKKA/ JAPERUN	MAJLIS ANUGERAH KOMUNITI 2017 SEMPENA SHP KE 8 MPHTJ	19/1/2018 (JUMAAT) 8.00 MALAM	PHILEA BALLROOM, PHILEA RESORT & SPA, AYER KEROH MELAKA
4.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ JPP/ JKKA/ JAPERUN	MAJLIS SOLAT HAJAT, BACAAN YASIN DAN TAHLIL SEMPENA SHP KE 8 MPHTJ	25/1/2018 (KHAMIS) 6.45 PETANG	MASJID IHSANUDDIN, GANGSA DURIAN TUNGGAL
5.	PBT/ SWASTA/ JKKA/ JAPERUN	PROGRAM ZIARAH KASIH TAHUN BARU CINA 2018 DUN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MPHTJ	13/02/2018 (SELASA) 11.00 PAGI	DUN BUKIT BARU/ DUN BEMBAN DUN AYER KEROH/ DUN BACHANG/ DUN DURIAN TUNGGAL
6.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/	PROGRAM MENEMBAK SEMPENA SHP MPHTJ KE-8	24/2/2018	LAPANG SASAR IPK, MELAKA
7.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/	PROGRAM MELAKA CAR FREE ZONE DI ZON TAPAK WARISAN DUNIA, BANDA HILIR MELAKA	11/3/2018 (AHAD) 6.30 PAGI	PERKARANGAN MENARA TAMING SARI, BANDA HILIR MELAKA

BIL.	AGENSI	PROGRAM	TARIKH PROGRAM	TEMPAT
8.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA	LAWATAN RASMI PERDANA MENTERI MALAYSIA KE MELAKA	20/3/2018 (SELASA) 3.00 PETANG	PERKARANGAN PKNM, MITC MELAKA
9.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA	KEJOHANAN PAINTBALL 'MELAKA INTERNATIONAL XBALL CUP 2018'	20-22/4/2018 (JUMAAT-AHAD) 8.00 PAGI- 6.00 PETANG	DATARAN SEJARAH AYER KEROH, MELAKA
10.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA	PROGRAM SUMBANGAN BUBUR LAMBUK MPHTJ BERSAMA SURAU TAMAN TSS2	26/5/2018	TAMAN TASIK UTAMA, AYER KEROH MELAKA
11.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA	MAJLIS PELANCARAN SMART PARKING PERCUMA	13/6/2018	KOMPLEKS MELAKA MALL, MELAKA
12.	EXCO/ AHLI MAJLIS/ ANGGOTA MPHTJ	MAJLIS JAMUAN RAYA WARGA KERJA MPHTJ TAHUN 2018	04/07/2018 (RABU) 12.45 TGHR- 2.30 PETANG	PENTAS UTAMA, KOMPLEKS MELAKA MALL, MELAKA
13.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA	FIESTA AEROBIK AIDILFITRI	07 JULAI 2018 8.00 MALAM	PENTAS UTAMA, KOMPLEKS MELAKA MALL, MELAKA
14.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA	PROGRAM CINTAILAH TAMAN AWAM KITA BERSAMA MURID TADIKA JAIM ASY SYAKIRIN DAN TADIKA JAIM TAMAN BUKIT BERUANG	27 JULAI 2018	TAMAN SERIBU BUNGA, AYER KEROH MELAKA

BIL.	AGENSI	PROGRAM	TARIKH PROGRAM	TEMPAT
15.	MBMB/ MPJ/ MBPP UKT/ AHLI MAJLIS/ MPHTJ	PROGRAM LARIAN OBOR ASIA PACIFIC MASTERS GAMES 2018 (APMG 2018 TORCH RUN) PERINGKAT NEGERI MELAKA (MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA)	6/8/2018 (ISNIN) 12.30 TENGAHARI	PINTU UTAMA, KOMPLEKS MELAKA MALL, AYER KEROH, MELAKA
16.	PBT/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA	MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROJEK CLEANATHON PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA CAWANGAN MELAKA	10 OGOS 2018	KOMPLEKS MELAKA MALL, MELAKA
17.	AHLI MAJLIS/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	MAJLIS KIBAR JALUR GEMILANG MPHTJ DAN RA TALANG SHELL AYER KEROH MELAKA	13 OGOS 2018	SHELL AYER KEROH MELAKA
18.	AHLI MAJLIS/ AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	MAJLIS "CINTAILAH TAMAN AWAM KITA" & PERTANDINGAN MEWARNA SEMPENA KEMERDEKAAN 2018 PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA (MPHTJ)	18 OGOS 2018 (SABTU) 8.00 PAGI	TAMAN SERIBU BUNGA, AYER KEROH MELAKA
19.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ ANGGOTA MPHTJ	PROGRAM KONVOI KEMBARA JALUR GEMILANG SEMPENA PROGRAM MERDEKA @ KOMUNITI PERINGKAT NEGERI MELAKA 2018	25 OGOS 2018 (SABTU) 7.00 PAGI	SEKITAR NEGERI MELAKA
20.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ PBT/ MPHTJ	PERSEMBAHAN KOIR SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN 2018 KE 61 TAHUN PERINGKAT NEGERI MELAKA	31 OGOS 2018 (JUMAAT) 7.00 PAGI	HADAPAN MEMORIAL PENGISYIHKAN, BANDAR HILIR, MELAKA.
21.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	MAJLIS PERJUMPAAN JABATAN ANGKAT BERSAMA PASUKAN KARATE-DO MELAKA SEMPENA SUKMA XIX PERAK 2018	01 SEPTEMBER 2018 (SABTU) 11.00 PAGI	KOMPLEKS RAKAN MUDA ALOR GAJAH, PEJABAT BELIA DAN SUKAN DAERAH ALOR GAJAH, LENDU, ALOR GAJAH MELAKA

BIL.	AGENSI	PROGRAM	TARIKH PROGRAM	TEMPAT
22.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	MAJLIS GOTONG-ROYONG SEMPENA HARI MALAYSIA BERSAMA KETUA MENTERI MELAKA	14 SEPTEMBER 2018 (JUMAAT) 3.00 PETANG	TAMAN BOTANIKAL AYER KEROH MELAKA
23.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	PENYERAHAN JERSI BOLA JARING SEMPENA MALA DI MANJUNG, PERAK	04 OKTOBER 2018	KOMPLEKS MELAKA MALL MELAKA
24.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	CERAMAH AGAMA PERDANA BERSAMA PENCERAMAH P.U AZMAN	05 OKTOBER 2018 (JUMAAT) 8.00 PAGI	AUDITORIUM SERI NEGERI AYER KEROH, MELAKA
25.	PBT	KEJOHANAN BOLA JARING SUKAN KERAJAAN TEMPATAN MALAYSIA TAHUN 2018 ANJURAN PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MALA) BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG	05-07 OKTOBER 2018	DEWAN TERTUTUP MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG, PERAK
26.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	PROGRAM GOTONG-ROYONG MPHTJ BERSAMA Mc DONALD'S	18 OKTOBER 2018 (KHAMIS) 9.00 PAGI	ZOO MELAKA
27.	ENVIRONMENT CYCLING CLUB (ECC)/ MPHTJ	PROGRAM 'ECC MTB NIGHT JAMBOREE-SHIMANO BURUNG HANTU 2018'	20 OKTOBER 2018 (SABTU) 7.00 MALAM	RUMAH MELAKA, BUKIT KATIL, MELAKA
28.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	KEJOHANAN RAGBI BUKIT BERUANG 7'S KALI KE-5 TAHUN 2018	27-28 OKTOBER 2018	DATARAN SEJARAH, AYER KEROH MELAKA
29.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	PROGRAM SUMBANGAN DEEPAVALI MPHTJ 2018	31 OKTOBER 2018	PENTAS UTAMA, KOMPELKS MELAKA MALL, AYER KEROH MELAKA
30.	AHLI MAJLIS/ MPHTJ	MAJLIS PENGHARGAAN ANGGOTA MPHTJ 2018	09 NOVEMBER 2018 (JUMAAT) 8.00 MALAM	HOTEL SWISS-GARDEN MELAKA.

BIL.	AGENSI	PROGRAM	TARIKH PROGRAM	TEMPAT
31.	AHLI MAJLIS/ MPHTJ/ ORANG AWAM	TOWN HALL MPHTJ BERSAMA PENDUDUK VISTA KIRANA, AYER KEROH MELAKA	14/11/2018	TAMAN VISTA KIRANA, AYER KEROH MELAKA
32.	PBT	KEJOHANAN BADMINTON SUKAN KERAJAAN TEMPATAN MALAYSIA TAHUN 2018 ANJURAN PERSATUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MALA) BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU	15-17 NOVEMBER 2018	MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU
33.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	MELAKA SAFETY BIKE RIDE SEMPENA FESTIVAL ANTARABANGSA PESTA SUNGAI MELAKA	24/11/2018	THE SHORE MELAKA
34.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	PERTANDINGAN BOT BERHIAS SEMPENA FESTIVAL ANTARABANGSA PESTA SUNGAI MELAKA	25/11/2018	MUARA SUNGAI MELAKA
35.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	PROGRAM KARNIVAL REKREASI KEBANGSAAN (ASTREC) TAHUN 2018	22-25 NOVEMBER 2018	DATARAN SEJARAH AYER KEROH MELAKA
36.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ PBT/ MPHTJ	MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KERAJAAN NEGERI MELAKA BIL. 11/2018 ANJURAN MPHTJ	27 NOVEMBER 2018 (SELASA) JAM 8.00 PAGI	DEWAN SERI NEGERI, AYER KEROH MELAKA.

BIL.	AGENSI	PROGRAM	TARIKH PROGRAM	TEMPAT
37.	MPHTJ/ MDHS	PERSAHABATAN FUTSAL VS MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	07 DISEMBER 2018	GALAXY FUTSAL MELAKA MALL MELAKA
38.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	KEM INSPIRASI BELIA MPHTJ SEMPENA SAMBUTAN HARI PERBANDARAN KE-9 MPHTJ	10-12 DISEMBER 2018 8.00 PAGI – 12 MALAM	PULAU SONGSONG, YAN KEDAH
39.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	KARNIVAL HIMPUNAN DUA RODA (H2R) SEMPENA SAMBUTAN HARI PERBANDARAN KE-9 MPHTJ	15 DISEMBER 2018 (SABTU) 9.00 PAGI – 6.00 PETANG	DATARAN SEJARAH, AYER KEROH MELAKA
40.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	KEMPEN DERMA DARAH SEMPENA SAMBUTAN HARI PERBANDARAN KE-9 MPHTJ	15 DISEMBER 2018 (SABTU) 9.00 PAGI – 2.00 PETANG	KOMPLEKS MELAKA MALL, AYER KEROH, MELAKA
41.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	MELAKA LAYPARK REPUBLIK FESTIVAL SEMPENA SAMBUTAN HARI PERBANDARAN KE-9 MPHTJ	15-16 DISEMBER 2018 (SABTU-AHAD) 9.00 PAGI – 10.00 MALAM	PENTAS UTAMA, KOMPLEKS MELAKA MALL, AYER KEROH, MELAKA
42.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	KEJOHANAN TENIS SEMPENA SAMBUTAN HARI PERBANDARAN KE-9 MPHTJ	21-23/12/2018	KOMPLEKS TENIS AYER KEROH MELAKA


BIL.	AGENSI	PROGRAM	TARIKH PROGRAM	TEMPAT
43.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	PERTANDINGAN MEWARNA/ KEMBALI KE SEKOLAH SEMPENA SAMBUTAN HARI PERBANDARAN KE-9 MPHTJ	20/12/2018	KOMPLEKS MELAKA MALL, AYER KEROH, MELAKA
44.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	FUTSAL SEMPENA SAMBUTAN HARI PERBANDARAN KE-9 MPHTJ	29/12/2018	GALAXY FUTSAL MELAKA MALL MELAKA
45.	AGENSI KERAJAAN NEGERI/ SWASTA/ MPHTJ	I RUN SEMPENA SAMBUTAN HARI PERBANDARAN KE-9 MPHTJ	30/12/2018	PINTU UTAMA, KOMPLEKS MELAKA MALL, AYER KEROH, MELAKA

JABATAN KEWANGAN

CARTA ORGANISASI JABATAN KEWANGAN 2018

LAPORAN TAHUNAN 2018

91



PENYATA PRESTASI KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA 2018

BUTIRAN	TAHUN				
	2010	2011	2012	2013	2014
PENDAPATAN	30,328,399	70,205,680	57,545,977	57,269,362	55,501,964
PERBELANJAAN	42,607,157	56,756,856	61,401,194	70,039,784	56,000,809
LEBIHAN/KURANGAN	(12,278,758)	13,448,824	(3,855,217)	(12,770,422)	892,223


BUTIRAN	TAHUN			
	2015	2016	2017	2018
PENDAPATAN	61,492,608	70,947,688	72,563,529	80,465,526
PERBELANJAAN	61,152,947	67,299,024	69,094,099	73,363,375
LEBIHAN/KURANGAN	339,661	3,648,664	3,469,430	7,102,151

PERUNTUKAN TAHUNAN MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA 2018

A. Peruntukan Hasil Tahunan

Jumlah anggaran hasil yang di sasarkan oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya bagi tahun 2018 ialah **RM 70,094,207.19**. Pecahan bagi setiap hasil adalah seperti berikut :-


BUTIRAN	JUMLAH (RM)
Hasil Cukai	45,196,807.19
Hasil Bukan Cukai	17,383,070.00
Terimaan Bukan Hasil	7,514,330.00
Jumlah	70,094,207.19

CARTA PERUNTUKAN HASIL BAGI TAHUN 2018**B. Peruntukan Perbelanjaan Tahunan**

Jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus yang telah diluluskan bagi tahun 2018 ialah **RM70,040,633.95**.

Pecahan bagi setiap perbelanjaan adalah seperti berikut :-

BUTIRAN	JUMLAH (RM)
Emolumen	11,358,166.29
Perkhidmatan & Bekalan	47,934,118.66
Aset	1,629,411.00
Pembelian & Kenaan Tetap	7,147,578.00
Lain-lain Perbelanjaan	971,360.00
Pembangunan Majlis	1,000,000.00
Jumlah	70,040,633.95

CARTA PERUNTUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2018


PRESTASI KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

A. Prestasi Kutipan Sebenar Hasil

Prestasi sebenar jumlah kutipan hasil bagi tahun 2018 keseluruhannya **RM 80,465,526** dan pecahan kutipan dan terimaan hasil adalah seperti berikut :-

BUTIRAN	JUMLAH (RM)
Hasil Cukai	48,134,643
Hasil Bukan Cukai	17,931,372
Terimaan Bukan Hasil	14,399,511
Jumlah	80,465,526

JUMLAH KUTIPAN HASIL SEBENAR BAGI TAHUN 2018




B. Prestasi Perbelanjaan Sebenar

Prestasi sebenar jumlah perbelanjaan bagi tahun 2018 keseluruhannya **RM 73,363,375** dan bagi setiap perbelanjaan sebenar seperti berikut :-

BUTIRAN	JUMLAH (RM)
Emolumen	9,360,097
Perkhidmatan & Bekalan	50,602,927
Aset	7,848,165
Pembelian & Kenaan Tetap	758,065
Lain-lain Perbelanjaan	4,794,121
Jumlah	73,363,375

JUMLAH PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2018




UNIT UNDANG-UNDANG

PENGENALAN

Unit Undang-Undang bertanggungjawab memberi khidmat nasihat berkaitan perundangan kepada Majlis dan jabatan-jabatan supaya perlaksanaan operasinya bersesuaian dan bertepatan dengan undang-undang yang digunakan Majlis serta menggubal undang-undang bagi Majlis. Selain itu, Unit Undang-Undang juga menjalankan pendakwaan berkaitan penguatkuasaan undang-undang terutama di bawah akta dan undang-undang kecil yang dikuat kuasakan.

Unit Undang-Undang terbahagi kepada 3 Seksyen iaitu Seksyen Pentadbiran, Seksyen Gubalan/Nasihat dan Seksyen Pendakwaan/Mahkamah. Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Undang-Undang (L44) dan dibantu oleh seorang Pegawai Undang-Undang (L41). Unit ini juga disokong oleh Penolong Pegawai Undang-Undang (L29), Pembantu Tadbir Undang-Undang, Pembantu Penguatkuasa, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan Penghantar Notis (N11).



FUNGSI SEKSYEN PENTADBIRAN

- Menguruskan surat-menyurat dalaman dan luaran
- Mengawal selia fail-fail unit
- Menguruskan hal ehwal anggota unit
- Menyediakan laporan bulanan
- Menyediakan anggaran belanjawan Unit Undang-Undang
- Memastikan standard dalam ISO dipatuhi

FUNGSI SEKSYEN GUBALAN/NASIHAT

- Menggubal dan meminda Undang-Undang Kecil, Perintah-Perintah, Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah yang dikuatkuasakan dan diterimapakai oleh Majlis.
- Menyedia dan menggubal dokumen-dokumen perjanjian yang melibatkan Majlis
- Merujuk draf Undang-Undang Kecil untuk semakan Penasihat Undang-Undang Negeri
- Merujuk panel peguam menyediakan draf perjanjian
- Merujuk draf perjanjian kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk khidmat nasihat
- Mewartakan Undang-Undang Kecil yang akan digunakan oleh Majlis
- Mewartakan notis-notis bagi jabatan-jabatan yang berkaitan
- Memberi pandangan dan nasihat perundangan kepada jabatan-jabatan dalaman dan luaran dari masa kesemasa

AKTA YANG DIGUNAPAKAI OLEH MPHTJ SEHINGGA TAHUN 2018

- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
- Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)

UNDANG-UNDANG KECIL, KAEADAH-KAEDAH, PERINTAH DAN PERATURAN YANG DIGUNAPAKAI OLEH MPHTJ SEHINGGA TAHUN 2018

BIL	TAJUK	M.P.U	TARIKH
1.	Undang - Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan - Kesalahan) (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) Jalan, Parit dan Bangunan 2010 (Akta 133)	No. 15	10 Jun 2010
2.	Undang - Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan - Kesalahan) (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) Kerajaan Tempatan 2010 (Akta 171)	No. 16	10 Jun 2010
3.	Undang-Undang Kecil (Fi) (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) Kerajaan Tempatan 2010	No. 18	28 Jun 2010
4.	Perintah Pengakutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2010 Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) (Pindaan) 2013 Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) (Pindaan) 2015 Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) (Pindaan) 2018	No. 19 M.P.U. 19 M.P.U. 22 M.P.U. 3	28 Jun 2010 03 Oktober 2013 31 Disember 2015 15 Februari 2018
5.	Undang - Undang Kecil Pasar Malam/Sehari (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2010	M.P.U. 41	30 Disember 2010
6.	Undang - Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2010	M.P.U. 42	30 Disember 2010

7.	Undang - Undang Kecil Penjaja dan Gerai (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2010	M.P.U. 43	30 Disember 2010
8.	Undang - Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2010	M.P.U. 44	30 Disember 2010
9.	Undang - Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2010	M.P.U. 45	30 Disember 2010
10.	Undang - Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2010	M.P.U. 46	30 Disember 2010
11.	Undang - Undang Kecil Pelesenan Tred (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2010	M.P.U. 47	30 Disember 2010
	Undang - Undang Kecil Pelesenan Tred (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) (Pindaan) 2015	M.P.U. 21	31 Disember 2015
12.	Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Tatatertib Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya 2011	M.P.U. 18	28 April 2011
13.	Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (Kelakuan dan Tatatertib) 2011	M.P.U. 19	28 April 2011
14.	Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2011 Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) (Pindaan) 2012 Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) (Pindaan) 2017	No. 25 No. 19 No. 21	25 Ogos 2011 29 Mac 2012 21 Disember 2017

15.	Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2011	No. 9	19 Januari 2012
16.	Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2011	No. 10	19 Januari 2012
17.	Undang-Undang Kecil Pasar-Pasar (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2012	No. 20	10 Mei 2012
18.	Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2012	M.P.U. 24	21 Jun 2012
19.	Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2001 Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Negeri Melaka) 2012	No. 5 M.P.U. 25	27 Disember 2001 21 Jun 2012
20.	Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembibakan Anjing (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2013	M.P.U. 10	15 Ogos 2013
21.	Undang-Undang Kecil Pengurangan Fi Lesen (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2013	M.P.U. 22	24 Oktober 2013
22.	Perintah Lalu Lintas Jalan (Peruntukan Tempat Perhentian Bas) (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2013	M.P.U. 26	19 Disember 2013
23.	Undang-Undang Kecil Spa (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2018	M.P.U. 5	15 Mac 2018

JADUAL BERIKUT ADALAH PENCAPAIAN SEKSYEN GUBALAN/NASTHAT SEPANJANG TAHUN 2018

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1.	Pewartaan Notis Jabatan	3
2.	Pewartaan Undang-Undang Kecil / Pindaan Undang-Undang Kecil	2
4.	Penyediaan Perjanjian bagi jabatan-jabatan di MPHTJ dan semakan perjanjian yang disediakan oleh panel peguan	157

FUNGSI SEKSYEN PENDAKWAAN/MAHKAMAH/SIVIL

- Menjalankan pendakwaan.
- Menyediakan borang pengaduan, saman dan kertas pertuduhan.
- Menyediakan afidavit penyampaian kepada pihak berkuasa tempatan (luar kawasan pentadbiran MPHTJ) dan surat kepada balai polis untuk penyempurnaan saman.
- Menyemak bayaran mengikut no.Kompaun sebelum perbicaraan dijalankan.
- Menyediakan surat izin mendakwa (sanksi) kepada timbalan pendakwa raya untuk difailkan ke mahkamah.
- Menyediakan surat permohonan waran tangkap bagi saman-saman yang telah disempurnakan.
- Menguruskan serahan saman di dalam kawasan dan di luar kawasan bagi pihak Majlis serta Pihak Berkuasa Tempatan daerah atau negeri lain.
- Merekod kes harian, sebutan, bicara, waran tangkap dalam diari dan sistem data
- Mendaftarkan kes-kes mahkamah
- Merekod dan mengemaskini buku kausa (buku daftar kes).
- Menyediakan laporan harian/mingguan/bulanan kepada Majistret/Pendaftar/Hakim Mahkamah
- Mengemaskini maklumat/status kes ke dalam sistem spuk/splk.
- Merujuk panel peguam mengeluarkan notis tuntutan tunggakan sewa/cukai dan seterusnya meneruskan prosiding civil sekiranya tiada bayaran dibuat.
- Merujuk kepada panel peguam bagi kes-kes Saman yang diterima oleh MPHTJ

JADUAL BERIKUT ADALAH PENCAPAIAN PENDAKWAAN/MAHKAMAH SEPANJANG TAHUN 2018 SEKSYEN

• PENDAKWAAN KES DI MAHKAMAH

BIL	JUMLAH PENDAFTARAN FAIL KE TIMBALAN PENDAKWA RAYA (TPR)	JUMLAH PENDAFTARAN KES KE MAHKAMAH MAJISTRET MBMB	JUMLAH KES SELESAI
1.	2400 fail	2300 kes	2263 kes

• TUNTUTAN SIVIL BAGI TUNGGAKAN CUKAI/SEWA DAN PEMBELAAN KES SIVIL

BIL	TUNGGAKAN CUKAI	TUNGGAKAN SEWA	KES SIVIL YANG DITERIMA
1.	-	4	1

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

LATAR BELAKANG


Memastikan perlaksanaan penambahbaikan sistem penyampaian dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan komprehensif demi meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam serta meransang pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam usaha meningkatkan sistem penyampaian awam, pelaksanaan OSC di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Malaysia selaras dengan **Keputusan Jemaah Menteri pada 21 Mac 2007**. Penubuhan OSC secara rasmi diseluruh Semenanjung Malaysia adalah pada **13 Jun 2007**.

Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) telah menerima waran perjawatan pada Jun 2010 dan telah dilaksanakan secara rasminya pada **1 Februari 2011**, dengan melantik enam orang pegawai bertaraf tetap.



OBJEKTIF



Menyelaras dan mempercepatkan proses kelulusan Permohonan Pembangunan yang meliputi Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Parit, Pelan Landskap Permohonan Nama Taman, Nama Jalan, Permohonan Lampu Jalan, Permit Pembinaan Kecil, Permit Sementara Bangunan, Permohonan CFO, Penyiapan Berperingkat (Pendepositan CCC & Borang G) dan Kepatuhan CCC;

Memendekkan norma masa dan memudahkan cara memproses Permohonan Pembangunan;

Menyeragamkan prosedur dan proses Permohonan Pembangunan dengan mengambil kira perutukan undang-undang yang ada.

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)

BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT JENIS PERMOHONAN

TEMPOH PERMOHONAN	JENIS PERMOHONAN	LULUS	TANGGUH	TOLAK	JUMLAH
	SERENTAK	14	-	2	16
1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018	PELAN KEBENARAN MERANCANG	8	-	1	9
	PELAN KEJURUTERAAN	10	--	-	10
	PELAN BANGUNAN	25		6	31

JENIS-JENIS PERMOHONAN SERENTAK YANG TERLIBAT BAGI TAHUN 2018



Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan.



Perihal Tanah (Pecah Sempadan & Ubah Syarat) + Kebenaran Merancang.



Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang.



Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan.



UNIT AUDIT DALAM

Penubuhan utama Unit ini adalah bertujuan untuk membantu pihak pengurusan bagi mempertingkatkan lagi akauntabiliti pengurusan pentadbiran dan kewangan di Majlis Perbandaran Hang Tuah jaya dan memastikan program dan aktiviti diuruskan dengan lebih berekonomi, cekap dan berkesan.

Pada tahun 2018 UAD telah melaksanakan pengauditan merangkumi pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan prestasi / aktiviti dan pengauditan khas / siasatan. Pengauditan prestasi, di mana pengurusan pencapaian adalah kritikal untuk menyampaikan perkhidmatan secara cekap dan berkesan seperti yang diharapkan oleh *stakeholders* di samping memastikan value for money dan pengurangan pembaziran sumber / dana dan pengauditan pematuhan, di mana undang-undang, peraturan dan piawaian yang diguna pakai adalah dipatuhi serta harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti serta kewajiban perkongsian maklumat secara telus dipenuhi.

Hasil pengauditan telah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit melalui surat pemerhatian Audit bagi mendapatkan maklum balas seterusnya dari pihak audit. Bagi memastikan tindakan diambil oleh pihak audit, UAD telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang bersidang 4 kali setahun yang di pengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

LAPORAN PENGAUDITAN PRESTASI DAN PENAMPILAN AUDIT

Pada Tahun 2018 sebanyak 5 aktiviti pengauditan prestasi telah di jalankan di di MPHTJ yang bertujuan untuk memastikan segala proses kerja yang di jalankan di setiap jabatan mematuhi akta, undang-undang kecil MPHTJ, Pekeliling Perbendaharaan, peraturan dan dasar yang telah di gunapakai oleh MPHTJ.

FUNGSI UNIT AUDIT DALAM , MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA MELAKA


BIL	RINGKASAN AKTIVITI / PROJEK
1.	Menyediakan Rancangan Tahunan Unit Audit Dalam
2.	Menyediakan Laporan Tahunan Unit Audit Dalam
3.	Menjalankan Pengauditan Dan Melaporkan Hasil Pengauditan.
4.	Analisa Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Ketidakpatuhan Utama.
5.	Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (dilaksanakan 4 kali setahun)
6.	Membuat Pemeriksaan Mengejut Bersama Yang Dipertua (Pegawai Pengawal) (Tempoh : Januari – Jun dan Julai – Disember)
7.	Penyemakan Perolehan Secara Pembelian Terus, Sebutharga Dan Tender Semua Jabatan
8.	Soal Selidik Pinjaman Peribadi

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT 2018

UAD telah mencapai sasaran mesyuarat yang telah ditetapkan iaitu 4 kali setahun:

BILANGAN MESYUARAT	TARIKH
Bil 01/2018	4 Januari 2018
Bil 02/2018	10 April 2018
Bil 03/2018	5 Julai 2018
Bil 04/2018	11 Oktober 2018

STRUKTUR ORGANISASI UNIT AUDIT DALAM



RANCANGAN AUDIT TAHUNAN 2018

BIL.	TAJUK	BULAN
1	Jabatan Kewangan	Januari - Mac
2	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil 01/2018	Januari
3	Jabatan Pengurukuasaan	April - Jun
4	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil 2 /2018	April
5	Jabatan Kejuruteraan	Julai - September
6	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil 3 /2018	Julai
7	Jabatan Pelesenan	Oktober - Disember
8	Mesyuarat Jawatankuasa Audit Bil 4/2018	Oktober
9	Penyediaan Laporan Tahunan 2018	Disember
10	Penyediaan Rancangan Tahunan 2019	Disember



PETUNJUK :



Auditan
Laporan
Maklumbalas



Laporan Tahun 2018
Rancangan Tahun 2019
Meeysurat Jawatankuasa Audit

Disediakan oleh,

T.T
(MUSNIAHWATI BINTI MUSTAFA)
Ketua Unit Audit Dalam,
Unit Audit Dalam,
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

Disahkan oleh,

T.T
(DATUK TPr. HJ. MURAD BIN HJ HUSIN)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

PENCAPAIAN PENGAUDITAN UNIT AUDIT DALAM BAGI TAHUN 2018

Bagi tahun 2018, UAD telah mencapai sasaran pengauditan seperti yang telah di rancang. Berikut adalah senarai Jabatan / Unit yang telah selesai di audit oleh UAD:-

I) Pengauditan Prestasi di Jabatan dan Unit MPHTJ

BIL	PENGAUDITAN	TARIKH AUDIT
1.	Pengauditan Jabatan Kewangan	8 Januari – 28 Februari 2018
2.	Pengauditan Jabatan Penguatkuasaan	1 April – 31 Mei 2018
3.	Pengauditan Kejuruteraan	1 Julai – 30 Ogos 2018
4.	Pengauditan Aset Alih MPHTJ Yang Dipinjamkan Ke Zoo Melaka	2 – 13 Oktober 2018
5.	Pengauditan Jabatan Pelesenan	1 Oktober - 30 November 2018

II) Pemeriksaan Mengejut AP 309 Bersama Yang Dipertua

BIL	PENGAUDITAN	TARIKH AUDIT
1.	Pemeriksaan Peti Besi, Panjar Wang Runcit, Wang Kutipan Di Kaunter dan Setem	13 Mec 2018
		13 September 2018

III) Analisa Ke Atas Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Ketidakpatuhan Utama

BIL	PENGAUDITAN	TARIKH AUDITSUSULAN
1	Pengauditan oleh Jabatan Audit Negara	4 Februari – 30 Mac 2018

UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

PENGENALAN

Unit Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) telah mula ditubuhkan pada 1 Januari 2010 dengan melantik Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya dan pegawai lain di bawah Seksyen 4 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663). Walau bagaimanapun, Akta 663 telah dimansuhkan dan telah digantikan kepada Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang berkuatkuasa pada 01 Jun 2015 dengan elemen penambahbaikan terhadap Akta yang terdahulu.

Pewujudan Unit Pesuruhjaya Bangunan di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya melalui Waran Perjawatan Bil P88 Tahun 2010 bertarikh 08 Jun 2010. Pihak Berkuasa Negeri telah membuat perlantikan Pesuruhjaya Bangunan bagi kawasan Hang Tuah Jaya Tahun 2010 melalui surat Jabatan Ketua Menteri pada tarikh 21 April 2010 selaras dengan Seksyen 4 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) telah mula berfungsi pada 1 Julai 2010 dibawah pengurusan Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPHTJ. Namun bermula Tahun 2013 Unit Pesuruhjaya Bangunan telah diletakkan di bawah Pejabat Yang Dipertua.

Unit ini telah menyelaras dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang berpandukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2015, Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015, Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318), dan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 (Akta A1450). Pihak Pesuruhjaya Bangunan juga menjalankan pendakwaan dan penguatkuasaan di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

Unit ini berperanan untuk mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan terutamanya pada harta bersama, membantu menyelesaikan pertelingkahan yang timbul dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang berpandukan kuasa Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Hal ini selaras dengan usaha gigih oleh pihak COB MPHTJ dalam memastikan peningkatan kesedaran dikalangan penduduk di dalam kawasan pemajuan berstrata untuk mengurus dan menyelenggara bangunan serta harta bersama di kawasan masing-masing agar mempunyai kehidupan yang lebih berkualiti dan selesa. Penguatkuasaan peruntukan undang-undang yang bersistematis di dalam kawasan pemajuan berstrata akan menjadikan kawasan persekitaran yang lebih selamat, kondusif dan dapat mempertingkatkan kualiti kehidupan penduduk lebih teratur dan suasana yang harmoni.

VISI

Kehidupan yang berkualiti, harmoni dan selesa bagi kawasan pemajuan berstrata.

OBJEKTIF

Memastikan penyenggaraan harta bersama dilaksanakan secara teratur dan tersusun berdasarkan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bagi mewujudkan suasana yang bersih dan harmoni dalam kehidupan perkongsian harta bersama bagi pembangunan bertingkat

MISI


Semua kawasan pemajuan berstrata mempunyai badan pengurusan yang dapat menjalankan pengurusan & penyenggaraan bangunan dan harta bersama dengan baik.

FUNGSI UNIT COB


- Mewujudkan dan mengemaskini inventori (pengkalan data) semua kawasan pemajuan di kawasan Hang Tuah Jaya.
- ‘Platform’ untuk menyelaraskan segala aduan bangunan berstrata dan mengambil tindakan penyelesaian aduan awam berkaitan Akta 757.
- Memantau perubahan JMB/MC di semua kawasan pemajuan berstrata di Hang Tuah Jaya.
- Menyelaras peralihan pihak pengurusan (Pemaju-JMB-MC).
- Memantau Akaun Pengurusan Bangunan setiap pihak pengurusan yang diperakui.

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) telah diketuai oleh seorang Pegawai Penilaian (W41) dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Penilaian (W29), seorang Penolong Akauntan (W29), seorang Pembantu Penilaian (W19) dan seorang Pembantu Tadbir Pengkeranian dan Operasi (N19).

CARTA ORGANISASI UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) MPHTJ



JAWATANKUASA BERTINDAK BANGUNAN BERSTRATA MPHTJ



B. PENCAPAIAN 2018

i) PENGELOUARAN NOTIS PERINGATAN KEPADA PEMILIK

TARIKH TERIMA	JUMLAH BIL	PEMAJU / JMB / MC	NOTIS DIKELUARKAN
-	1 Notis	Notis 'Peringatan Pertama' Kepada Pemilik D7-1 Mengenai Kegagalan Atau Keengganan Untuk Membayar Caj Penyenggaraan Perbadanan Pengurusan Kedai / Pejabat TBBP /RKD Lot 13497 , Mukim Batu Berendam, Melaka.	30/07/2018
-	1 Notis	Notis 'Peringatan Pertama' Kepada Pemilik D2-1 Mengenai Kegagalan Atau Keengganan Untuk Membayar Caj Penyenggaraan Perbadanan Pengurusan Kedai / Pejabat TBBP /RKD Lot 13497 , Mukim Batu Berendam, Melaka.	30/07/2018
-	1 Notis	Notis 'Peringatan Pertama' Kepada Pemilik D8-1 Mengenai Kegagalan Atau Keengganan Untuk Membayar Caj Penyenggaraan Perbadanan Pengurusan Kedai / Pejabat TBBP /RKD Lot 13497 , Mukim Batu Berendam, Melaka.	30/07/2018

ii) PENGELOUARAN NOTIS KEPADA PEMAJU/JMB/MC

TARIKH TERIMA	JUMLAH BIL	PEMAJU/JMB/MC	NOTIS DIKELUARKAN
-	16 Notis	Notis Makluman Mengenai Kegagalan Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Pertama (MATP) Kawasan Pemajuan Badan Pengurusan Bersama Rumah Kluster Taman Kasawari Di Lot 63441 , Mukim Durian Tunggal Melaka.	09/01/2018
-	1 Notis	Notis Bagi Mengkehendaki Pemaju Membayar Deposit Untuk Membaiki Kecacatan Pada Harta Bersama Kawasan Pemajuan Rumah Bandar Taman Bukit Katil Damai PT 22741 , Mukim Bukit Katil melaka.	15/01/2018
-	1 Notis	Notis Bagi Mengkehendaki Pemaju Membayar Deposit Untuk Membaiki Kecacatan Pada Harta Bersama Kawasan Pemajuan Rumah Bandar Taman Bukit Katil Damai PT 22742 , Mukim Bukit Katil melaka.	15/01/2018
